

MENTERI KPPK LANCAR SKIM TANAM SEMULA DAN TANAM BARU SAWIT DI RANAU, SABAH



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan bantuan anak benih sawit berkualiti kepada pekebun kecil sawit sempena Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah.

KANDUNGAN

- Menteri KPPK Lancar Skim Tanam Semula dan Tanam Baru Sawit di Ranau, Sabah 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Integrasi Tongkat Ali dengan Sawit 4
- Kenalilah... Kekacang Penutup Bumi *Mucuna bracteata* (Mb) 7
- Kuiz Sawit 9
- Sudut Kreatif Sawit 10
- Sembang Sawit 10
- Sedutan Akhbar 11
- Tahukah Anda? 13
- Berita Bergambar 14
- Diari & Peristiwa 18
- Profil Komoditi 19
- Peladang Jaya 21
- Direktori MPOB 24
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 28



Selaras dengan seruan Perdana Menteri akan gagasan 1 Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan

Komoditi (KPPK) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memberi tumpuan terhadap pembangunan sektor pekebun kecil sawit. Ini kerana mereka memerlukan khidmat bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar serta bantuan dari segi kewangan dan input pertanian bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran buah tandan segar (BTS) mereka.

Antara program yang dilaksanakan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) adalah Skim Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baru Sawit. Peruntukan yang telah disediakan pada 2011 berjumlah RM 297 juta. Seramai 10 500 orang pekebun kecil melibatkan keluasan 26 500 ha disasarkan mendapat faedah melalui kedua-dua skim ini.

Bagi menggalakkan penebangan pokok sawit yang berumur lebih 25 tahun dan tidak lagi ekonomik untuk diusahakan, Skim Tanam Semula Sawit, memberi bantuan sebanyak RM 7000.00/ha yang merangkumi kos penebangan pokok sawit tua, pembersihan kawasan, bekalan anak benih sawit dan baja sebatian. Permohonan skim ini mula dibuka pada Februari 2011 dan akan ditutup apabila kuota telah dipenuhi.

Bersambung ke muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI
Hj Idris Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Hj Wahid Omar
Hj Suboh Ismail
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Hj Ahmad Tarmizi Mohammed
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Ab Aziz Md Yusof
Hj Che Johari Mamat
Hj Mohd Azmi K Ismail
Mazlan Mustaffa
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA
Dr Hjh Zainon Mat Sharif

Sambungan dari muka surat 1

Bagi pekebun kecil yang berhasrat untuk menceburi sektor tanaman sawit dan ingin mengusahakan tanah terbiar kepada sawit, Skim Tanam Baru Sawit memperuntukkan sebanyak RM 7000.00/ha untuk membangunkan tanah yang berpotensi untuk ditanam sawit. Ini bertujuan meluaskan tanaman sawit negara di bawah milik pekebun kecil bagi menampung keperluan minyak masak dunia pada masa akan datang, seterusnya meningkatkan taraf ekonomi pekebun kecil. Permohonan skim ini juga dibuka sepanjang 2011. Melalui kedua-dua skim ini diharap dapat meningkatkan produktiviti sektor pekebun kecil.

Semasa Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah pada 31 Januari 2011 yang lalu, seramai 30 orang pekebun kecil sawit sekitar kawasan Ranau telah menerima bantuan daripada MPOB berupa anak pokok sawit, baja dan alatan perlindungan diri (PPE). Bantuan ini diberikan bertujuan meningkatkan produktiviti serta pendapatan keluarga pekebun kecil tersebut.

“Pekebun kecil sawit yang kurang berkemampuan dari segi kewangan untuk membeli



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Kerajaan sangat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil sawit. Rekod MPOB menunjukkan hampir 109 000 ha pokok sawit tua berumur lebih 25 tahun tidak ditanam semula oleh pekebun kecil. Sebahagian besar mereka tidak mempunyai modal untuk menanam semula. Justeru itu, peruntukan tanam semula sawit yang disediakan pada 2011 berjumlah RM 297 juta diharap dapat menyelesaikan masalah kekurangan modal untuk menanam semula sawit di kalangan pekebun kecil. Peruntukan di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) ini dijangka akan diteruskan sehingga 2013. Maka adalah menjadi harapan MPOB supaya semua pekebun kecil dapat mengambil peluang ini, tambahan pula peruntukan ini telah diluaskan kepada penanam baru sawit.

Penyediaan peruntukan oleh kerajaan adalah salah satu faktor untuk membantu meningkatkan produktiviti pekebun kecil. Faktor lain yang sama penting ialah komitmen pekebun kecil untuk mengamalkan ‘amalan pertanian baik atau GAP’ yang merangkumi penggunaan benih berkualiti, penyediaan tanah, penjagaan ladang (rumpai, penyakit dan perosak) dan pengendalian penuaian. Sekiranya tidak mempraktikkan GAP, matlamat untuk meningkatkan produktiviti seperti mana disasarkan dalam NKEA (purata pengeluaran BTS negara sebanyak 26 t/ha/thn menjelang 2020) tidak akan tercapai.

Sementara menunggu pokok sawit mengeluarkan hasil, pekebun kecil sangat digalakkan untuk menggunakan tanah ladang mereka untuk tanaman jangka pendek atau sederhana panjang seperti tanaman tongkat Ali. Penanaman integrasi tanaman dengan sawit jika dibuat mengikut saranan, ia tidak akan menjejaskan pertumbuhan pokok sawit malah boleh membawa pendapatan tambahan antara RM 200.00-RM 900.00/bln/ha.

input pertanian akan terus dibantu untuk memajukan dan menaik taraf kebun sawit mereka agar mereka juga berupaya meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi keluarga,” kata Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi semasa merasmikan program berkenaan.

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2



Sebahagian peserta Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah.



Tan Sri Bernard Dompok menyampaikan bantuan peralatan keselamatan diri kepada pekebun kecil sawit di Ranau, Sabah.

Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit yang diadakan di Dewan Serbaguna Masyarakat Ranau telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Seramai lebih 800 orang pekebun kecil telah menghadiri program tersebut. Kertas seminar bertajuk *Kaedah Diagnosis Ladang untuk Meningkatkan Hasil Sawit dan Penyediaan Tanah untuk Tanam Baru Sawit* telah disampaikan oleh pegawai MPOB kepada peserta yang terdiri daripada pekebun kecil sawit sekitar kawasan Ranau.



Sumbangan: Khairul Ismail
(khairul@mpob.gov.my)

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI TONGKAT ALI DENGAN SAWIT

Pengenalan

Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) sememangnya dikenali sebagai pokok herba yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi. Nilai komersialnya semakin meningkat apabila dilaporkan berupaya melancarkan pengaliran darah, melawan sel kanser, meningkatkan keupayaan kelelahan dan mampu merawat pelbagai penyakit seperti pening kepala, luka, kurap, anti-malaria dan anti-radang. Kepelbagaian penggunaan pokok tongkat Ali dalam perubatan menjadikan permintaan bahan mentah ini untuk tujuan diproses meningkat dari semasa ke semasa. Purata permintaan bahan mentah ini untuk tongkat Ali bagi tujuan perubatan adalah sebanyak 54 180 kg/thn. Sebahagian besar bekalan bahan mentah ini diperolehi daripada sumber semulajadi di hutan. Ini menjadikan bekalan mentah tidak mencukupi untuk jangka masa panjang kerana sumber tongkat Ali di hutan akan kehabisan.

Menyedari hakikat ini, beberapa agensi kerajaan dan swasta telah mengambil pendekatan untuk mengkaji kesesuaian menanam tanaman ini secara komersial melalui sistem perladangan. Kaedah penanaman yang dijalankan adalah secara tanaman tunggal atau diintegrasikan bersama tanaman kekal seperti sawit, getah, jati dan juga sentang. MPOB telah menjalankan kajian penanaman tongkat Ali dengan sawit dalam sistem dua baris (*Rajah 1*). Penanaman tongkat Ali secara integrasi bersama sawit sistem dua baris merupakan pendekatan yang sesuai untuk dilaksanakan. Pendekatan ini menjana pendapatan sampingan kepada penanam sawit.

Penanaman dan Penyelenggaraan

Sawit ditanam mengikut sistem tanaman sawit dua baris. Jarak tanaman sawit dalam dua barisan ini ialah 6.1 m x 9.1 m dan jarak di antara dua barisan pula ialah 15.2 m (*Rajah 2*). Kepadatan tanaman sawit ialah




Rajah 1. Integrasi tongkat Ali dengan sawit sistem dua baris.

136 pk/ha, iaitu sama seperti sistem tanaman sawit segi tiga normal yang menggunakan jarak tanaman 9.1 m x 9.1 m x 9.1 m. Pembajakan tanah dijalankan sebanyak 3 pusingan, iaitu 2 pusingan bajak piring dan 1 pusingan bajak putar pada kedalaman 20-25 cm dari paras tanah. Kawasan yang telah dibajak dibiarkan 5-7 hari sebelum pusingan pembajakan yang berikutnya dijalankan bagi memusnahkan rumpai dan perosak dengan mendedahkannya kepada panas terik cahaya matahari. Pengapuran dijalankan selepas kerja membajak piring kedua, iaitu sebelum kerja membajak putar bermula pada kadar 1.0 t/ha. Jenis kapur yang digunakan ialah *ground magnesium limestone* (GML).

Penanaman anak benih tongkat Ali hendaklah dilaksanakan pada waktu yang sesuai iaitu musim hujan yang sederhana, kebiasaannya pada September hingga November. Anak benih tongkat Ali yang berumur antara 8-10 bulan disyorkan untuk penanaman di ladang. Pada peringkat ini, anak benih mempunyai ketinggian 30-45 cm dengan purata saiz diameter batang 12 mm. Anak benih disyor ditanam pada jarak 2 m di antara barisan dan 1 m dalam barisan (*Rajah 2*). Semasa menanam, baja batuan fosfat ditaburkan ke lubang tanaman pada kadar 200-250 g/lubang. Program pembajaan yang disyorkan untuk tanaman tongkat Ali adalah seperti dalam *Jadual 1*.

Kawalan rumpai hendaklah dijalankan secara berjadual iaitu satu pusingan setiap bulan bagi tahun pertama penanaman dan dikurangkan kepada satu pusingan setiap dua bulan pada tahun kedua penanaman dan tahun-tahun yang berikutnya. Kaedah kawalan rumpai secara manual sangat disyorkan bagi menjaga kualiti

Sambungan dari muka surat 4



Rajah 2. Sistem tanaman sawit dua baris diintegrasikan dengan tongkat Ali.

JADUAL 1. PROGRAM PEMBAJAAN TONGKAT ALI DI KAWASAN TANAMAN SAWIT

Umur (tahun)	Jenis baja (N:P:K:Mg)	Kadar (g/pk)	Pusingan setahun
1	Batuan fosfat	200 (semasa menanam)	1
	Sebatian 15:15:6:4	250	4
2	Sebatian 15:15:6:4	375	3
	Batuan fosfat	175	1
3	Sebatian 15:15:6:4	550	3
	Batuan fosfat	200	1
4	Sebatian 15:15:6:4	500	2

akar tongkat Ali. Biasanya, mesin pemotong rumput digunakan untuk memotong rumput di dalam kawasan petak integrasi tongkat Ali dengan sawit.

Berdasarkan pemerhatian, tiada serangan penyakit yang serius berlaku pada tanaman tongkat Ali. Walau bagaimanapun, ulat harimau dan teritip adalah antara serangga perosak yang kerap menyerang pokok tongkat Ali di ladang sawit. Kawalan serangga secara berjadual perlu dijalankan bagi mengawal serangga ini dengan semburan racun kimia yang mengandungi bahan aktif *Lambda cyhalothrin* seperti *Karate®* atau *Force®*, atau bahan aktif *Cypermethrin* seperti *Cythrino®* secara giliran setiap dua minggu bergantung kepada tahap serangan.

Pertumbuhan dan Potensi Hasil Akar Tongkat Ali

Pokok tongkat Ali akan mula berbunga serta berbuah pada tahun kedua atau ketiga selepas

ditanam di ladang. Walau bagaimanapun, penuaian akar tongkat Ali hanya boleh dijalankan apabila pokok berumur empat tahun selepas ditanam di ladang. Kebiasaannya, bahagian akar pokok tongkat Ali merupakan bahagian yang mempunyai nilai komersial yang lebih tinggi berbanding bahagian pokok yang lain. Akar tongkat Ali terbahagi kepada dua



Rajah 3. Akar pokok tongkat Ali yang berumur 4 tahun.

Bersambung ke muka surat 6

Sambungan dari muka surat 5

bahagian yang utama iaitu satu akar tunjang dan beberapa akar sisi (*Rajah 3*). Biasanya akar tongkat Ali dijual dalam bentuk yang telah siap diracik kering (*Rajah 4*).



Rajah 4. Akar tongkat Ali yang telah diracik kering.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa maklumat yang berkaitan dengan pengukuran tampang dan potensi hasil akar tongkat Ali berumur empat tahun yang diintegrasikan bersama sawit telah dikumpulkan (*Jadual 2*).

JADUAL 2. CIRI-CIRI PERTUMBUHAN TAMPANG POKOK DAN AKAR TONGKAT ALI BERUMUR EMPAT TAHUN YANG DIINTEGRASIKAN DENGAN SAWIT

Ciri-ciri	Purata
Ketinggian pokok	5.50 m
Diameter batang (paras 20 cm dari permukaan tanah)	7.4 cm
Berat basah akar sepokok	1.6 kg
Berat kering akar sepokok (diracik)	0.66 kg
Ekstrak akar kering sepokok (serbuk)	30 g
Kandungan <i>Eurycomanone</i> dalam akar sepokok	163.1 µg/ml

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, hasil berat kering akar bagi integrasi tongkat Ali bersama sawit sistem dua baris adalah sebanyak 1003 kg/ha (kepadatan 1900 pk/ha). Jumlah kos pengeluaran untuk semusim (4 tahun) ialah RM 18 740/ha. Akar tongkat Ali kering dijangka dapat dijual pada harga RM 28/kg dengan memberi pendapatan kasar dan bersih bagi integrasi tongkat Ali bersama sawit sistem dua baris sebanyak RM 28 084/ha dan RM 9344/ha.

Penutup

Tongkat Ali merupakan pokok herba yang penting bagi industri perubatan masa kini. Ia mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara. Memandangkan permintaannya yang sentiasa meningkat bagi industri perubatan, sumber utamanya iaitu dari hutan dijangka akan mengalami kepupusan dalam jangka masa panjang. Kaedah yang boleh dipraktikkan untuk meningkatkan pengeluaran tongkat Ali adalah dengan melaksanakan integrasi tanaman tongkat Ali dengan sawit dalam sistem dua baris dengan kepadatan sawit 136 pk/ha. Pelaksanaannya dapat dibuat dalam jangka masa yang lebih panjang berbanding di sistem tanaman sawit segitiga normal. Pertumbuhan dan hasilnya adalah memuaskan. Ia dapat memberikan pendapatan tambahan yang baik kepada penanam sawit terutama pekebun kecil yang mengusahakannya. Sistem pengeluaran ini juga telah dibuktikan tidak memberikan kesan yang negatif kepada pengeluaran hasil sawit. Oleh itu, teknologi ini disyorkan untuk diguna pakai oleh penanam sawit di negara ini.



Sumbangan:
Norkaspi Khasim
(kaspi@mpob.gov.my)

Sudut Renungan

Dari Imran ra katanya, saya bertanya
"Ya Rasulullah, apa dasar kerja orang
yang bekerja?"

Baginda menjawab, "Setiap orang
dimudahkan mengerjakan apa yang
dia telah ciptakan untuk itu."

(Hadis riwayat Al-Bukhari)

KENALILAH... KEKACANG PENUTUP BUMI *Mucuna bracteata* (Mb)

Mucuna bracteata (Mb) adalah sejenis kekacang penutup bumi yang berasal dari Kerala di Selatan India dan diperkenalkan di negara ini pada 1991. Mb tergolong dalam famili *Leguminosae*. Kekacang penutup bumi biasanya ditanam di kawasan tanaman sawit pada peringkat pra matang bagi meningkatkan kesuburan tanah, mengurangkan hakisan tanah akibat hujan serta memelihara persekitaran. Kebaikan kekacang penutup bumi antaranya adalah dapat memelihara kelembapan dan suhu tanah, mengurangkan hakisan, memperbaiki struktur tanah, membekalkan nitrogen melalui pengikatan N, mengurangkan persaingan rumpai dengan tanaman, mengawal pembiakan penyakit dan perosak serta menjadi sumber bahan organik hasil pereputan sisa tanaman. Ciri-ciri utama kekacang ini adalah mempunyai kadar pertumbuhan yang tinggi di mana berupaya menjalar 3-4 m/bulan, membentuk cabang di setiap ruas dan mempunyai daun *trifoliolate* berwarna hijau. Kekacang ini juga selalu mendominasi kawasan dan sangat toleran kepada naungan dan keadaan kemarau.

Pemilihan dan penggredan biji benih Mb mesti dibuat sebelum penyemaian dijalankan. Amalan menyemai terus biji benih ke dalam polibeg tanpa melalui teknik pemilihan dan penggredan akan menghasilkan peratus pertumbuhan yang rendah dan tidak sekata. Ini akan mendatangkan kerugian dari segi kos penanaman dan meningkatkan kos penyelenggaraan. Secara amnya, biji Mb diselaputi lapisan luar yang keras (*hard seed coat*) berwarna hitam. Teknik pemilihan dan penggredan biji benih Mb melibatkan kerja-kerja pengasingan biji berdasarkan dua ciri utama iaitu rupa bentuk fizikal selaput luar dan warna biji benih di dalam selaput. Biji benih yang berkualiti dan bernas mempunyai permukaan selaput luar yang licin tanpa sebarang kerosakan dan kecacatan. Biji yang dipilih ini akan dilelaskan iaitu dengan membuang sedikit lapisan luar di hujung biji. Teknik melelaskan boleh dijalankan sama ada dengan menggosok biji di permukaan kertas pasir atau menggunakan peralatan seperti pengetip kuku (Rajah 1). Kaedah melelaskan menggunakan pengetip kuku adalah lebih praktikal dan mudah diamalkan.



Rajah 1. Teknik melelaskan biji benih *Mucuna bracteata* (Mb) menggunakan pengetip kuku.



Rajah 2. Mb berumur 6 bulan selepas ditanam di ladang sawit.

Sebelum ditanam, lorong tanaman sejarak 3-4 m daripada anak pokok sawit perlu disemur menggunakan racun rumpai seperti *Glyphosate* untuk mengawal dan melambatkan pertumbuhan rumpai. Selepas penanaman dilakukan, pengawalan rumpai disarankan menggunakan racun jenis sentuh sahaja sehingga tanaman berusia tiga bulan selepas ditanam. Anak benih Mb yang telah berumur 6-8 minggu di peringkat tapak semaian sesuai untuk dipindahkan ke ladang. Anak benih yang akan dipindahkan ke ladang perlu disiram terlebih dahulu bagi mengurangkan kesan renjatan dan memudahkan aktiviti mengalih anak benih ke ladang. Saiz lubang tanaman yang disyorkan adalah 15 cm x 15 cm x 15 cm. Baja bantuan fosfat ditabur ke dalam lubang pada kadar 30 g/lubang atau 9 kg/ha. Sebelum polibeg ditanggalkan, ia perlu dicelup ke dalam air dan tanah dipadatkan. Kepadatan tanaman Mb yang disyorkan adalah 300 pk/ha iaitu pada

Sambungan dari muka surat 7

jarak 4 m antara setiap titik tanaman dalam barisan dan di antara baris dalam barisan tanaman sawit, manakala bagi kawasan berteres anak benih *Mb* ditanam di kawasan bibir teres. Tanaman yang menggunakan jarak ini memerlukan tempoh enam bulan untuk meliputi 90% daripada kawasan ladang. Bagi mendapatkan pertumbuhan yang baik, *Mb* perlu dibaja. Kadar pembajaan tanaman kekacang penutup bumi yang disyorkan adalah seperti dalam *Jadual 1*.

Pada peringkat awal penanaman sawit, pemilihan kekacang penutup bumi dinilai dari

melebihi umur empat bulan pula, penggunaan racun jenis sentuh disyorkan dan semburan dilakukan dalam bulatan merumput pokok sawit. Anggaran kos penanaman kekacang *Mb* bagi setiap hektar adalah seperti dalam *Jadual 2*.

Kos untuk membangunkan *Mb*, campuran *Calapogonium mucunoides* (*Cm*) dan *Pueraria javanica* (*Pj*) adalah hampir sama iaitu sebanyak RM 180.00/ha, tetapi *Mb* mempunyai ciri yang lebih baik berbanding dengan campuran *Cm* dan *Pj*. Oleh yang demikian, penanam sawit digalakkan menanam *Mb* sebagai pilihan utama.

JADUAL 1. JADUAL PEMBAJAJAN

Bulan lepas tanam	Jenis baja	Kadar baja	Kaedah pembajaan
1	NPK kuning (15:15:6:4)	40 kg/ha@ 130 g/lubang	Tabur keliling 7-10 cm dari pangkal pokok
2	Batuan fosfat	100 kg/ha	Tabur rata di barisan tanaman
3 - 4	Batuan fosfat	100 kg/ha	Tabur rata di barisan tanaman

JADUAL 2. ANGGARAN KOS PENANAMAN KEKACANG *Mb*

Kos	RM/pk	pk/ha	Kos (RM/ha)
Polibeg (13 cm x 18 cm)	0.02	300	6.00
Mengisi tanah dalam polibeg	0.03	300	9.00
Kos bahan <i>Mucuna bracteata</i>	0.14	300	42.00
Menyemai, menyiram, kawalan serangga dan membaja	0.20	300	60.00
Menanam	-	-	60.00
Baja fosfat (kg)	0.36	9	3.24
Jumlah			180.24

Nota: Kos benih *Mb* berdasarkan pada harga RM 350.00/kg termasuk upah kerja melelas. Diandaikan 50% daripada 1 kg benih adalah bernas atau bersamaan dengan 3000 biji.

segi peratus pencapaian menutup permukaan tanah/kawasan ladang. *Mb* mengambil masa di antara 7-9 bulan untuk meliputi kawasan dengan kepadatan 300 pk/ha (jarak 2.0-2.5 m). Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kadar litupan *Mb*, antaranya cuaca, kesuburan tanah, taburan hujan dan topografi. Amalan kawalan rumpai di kawasan tanaman kekacang penutup bumi yang berumur di bawah empat bulan dicadangkan menggunakan kaedah manual. Bagi kawasan tanaman yang telah



Sumbangan: Khairuman Hashim
(khairuma@mpob.gov.my)

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 50.00 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan pada **31 Oktober 2011**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Cik Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin
Unit Pengembangan dan Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

- 1) Di manakah Koperasi Penanam Sawit Mampan pertama di bawah MPOB ditubuhkan.
- 2) Senaraikan amalan pertanian baik yang perlu dilakukan bagi mengelakkan pembaziran baja di kawasan tanah bermasalah?
- 3) Apakah bahan perapi yang terkandung dalam baja MPOB F4 untuk meningkatkan kecekapan pengambilan nutrien oleh pokok?
- 4) Nyatakan alat terbaru hasil kajian penyelidikan MPOB untuk mengesan penyakit reput pangkal batang di peringkat awal serangan?
- 5) Negara manakah pengimport minyak sawit utama Malaysia pada 2010?

***DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL
DALAM WARTA SAWIT BIL. 46/10.**



Resipi Kreole Udang



Bahan

- ½ kg udang, dibuang kulit dan dibersihkan
- 1 labu bawang besar
- 1 ulas bawang putih
- 1 tin kecil (150 g) tomato puri
- 3 camca besar minyak masak sawit
- Sedikit serbuk cili
- Garam secukup rasa
- Sedikit daun oregano dan daun basil

Cara Membuat

1. Bawang besar dibasuh dan dipotong dadu.
2. Bawang putih dititik.
3. Panaskan minyak masak dalam kualiti, tumis bawang putih dan bawang besar.

4. Masukkan tomato puri, garam, serbuk cili, daun oregano dan daun basil.
5. Masukkan udang dan kacau rata. Masak di atas api sederhana selama 10-15 min.
6. Hidang bersama nasi.

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar bersama keterangan yang lengkap. Pembaca juga hendaklah menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Sumbangan yang terpilih dan tersiar dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB

Sumber: NOR AINI IDRIS (2005). *Seri Sawit - Koleksi Resipi dari Berita Sawit*. MPOB, Bangi, Selangor.

SEMBANG SAWIT



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : SISTEM KESELAMATAN DITINGKAT

Tarikh : Berita Harian, 19 April 2011

Pelabuhan Klang – Kerajaan melancarkan sistem keselamatan pengangkutan minyak sawit bagi membanteras kegiatan tidak sihat dalam industri itu sekali gus meningkatkan daya saing ke arah menjana kemajuan dan pendapatan negara.

Ini berikutan kepentingan industri itu yang menjadi penyumbang utama pendapatan eksport negara apabila menyumbang RM 62.86 bilion tahun lalu dan kesan akibat kegiatan sedut curi minyak sawit yang dianggap serius.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata bagi mengatasi kegiatan sedut curi, kementeriannya dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membuat ketetapan melesenkan lori tangki yang terbabit dalam pengangkutan minyak sawit.

Tajuk : USAHAWAN DIGESA TEROKA PELUANG NIAGA BARU INDUSTRI SAWIT

Tarikh : Harian Ekspres, 3 Mac 2011

Kota Kinabalu – Usahawan kecil dan sederhana di Sabah digesa meneroka peluang di dalam aktiviti hiliran sawit yang baru seperti pemprosesan fitonutrien berasaskan sawit yang bernilai tinggi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) membangunkan proses inovatif untuk mengekstrak fitonutrien dan memanfaatkan perkara ini untuk aktiviti hiliran tidak memerlukan pelaburan modal yang besar.

Melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D), MPOB mendapati bahawa minyak sawit mengandungi fitonutrien, yang sering hilang dalam proses pengilangan dan penapisan dengan yang paling nyata ditemui di dalam minyak sawit mentah termasuk karotenoid dan tokotrienol, yang menunjukkan sifat-sifat antioksidan dan anti-penuaan.

Tajuk : SABAH MILIKI SUMBER YANG BANYAK UNTUK AKTIVITI HILIRAN DALAM SEKTOR BIOMAS

Tarikh : New Sabah Times, 2 Mac 2011

Kota Kinabalu – Sabah, negeri pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia, mempunyai banyak sumber untuk aktiviti hiliran dalam sektor biomas, yang dijangka berkembang secara besar-besaran tahun ini.

Menerusi 26 juta tan biomas yang boleh dihasilkan setahun dari 1.4 juta hektar ladang sawit di negeri itu, bahan yang begitu banyak tersedia boleh diagihkan untuk pelbagai kegunaan, kata Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat kerajaan negeri, POIC Sabah Sdn Bhd, Dr Pang Teck Wai.

“Persoalan sama ada bahan itu mencukupi untuk lima tahun akan datang, kita mungkin hadapi had mengenai sebanyak mana sumber yang ada, namun hari ini, sumbernya begitu besar untuk menarik pelabur”.

Bersambung ke muka surat 12

Sambungan dari muka surat 11

Tajuk : MPOB GALAK PESERTA SERTA SKIM PENSIJILAN

Tarikh : Utusan Sarawak, 26 Februari 2011

Kuala Lumpur – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan peserta industri supaya menyertai skim pensijilan Kod Amalan (COP), yang kini dilaksanakan atas dasar sukarela.

Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad berkata, pensijilan di bawah COP meliputi keseluruhan rangkaian pengeluaran dari tapak semeaian sehingga pemprosesan produk minyak sawit bagi memastikan operasi premis sawit yang efisien, produktiviti yang tinggi, pematuhan keselamatan makanan, kualiti dan keperluan kemapanan.

Peningkatan keperluan bagi pensijilan dalam industri minyak dan lemak telah menyebabkan MPOB melaksanakan COP, kata beliau semasa berucap pada Seminar Tinjauan Masa Depan dan Kajian Ekonomi Minyak Sawit anjuran MPOB di sini.

Tajuk : RM 297 JUTA BANTU PEKEBUN KECIL SAWIT HINGGA 2013

Tarikh : Berita Harian, 2 Februari 2011

Ranau – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memperuntukkan RM 297 juta bagi membantu pekebun kecil sawit di seluruh negara melalui skim bantuan penanaman semula dan baru dalam Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) mulai tahun ini hingga 2013.

Menterinya, Tan Sri Bernard Dompok, berkata buat permulaan, kementeriannya menyediakan RM 140.2 juta dengan RM 112.2 juta untuk membiayai program bantuan penanaman semula sawit di kawasan seluas 4000 ha tahun ini.

Peruntukan awal itu ditawarkan kepada pekebun kecil yang memiliki kebun maksimum 40.46 ha bagi penanaman semula, manakala bagi penanaman baru kawasan maksimum 5 ha di Semenanjung dan 7 ha di Sabah dan Sarawak.

TAHUKAH ANDA?

PERMOHONAN LESEN MENJUAL DAN MENGALIH BUAH SAWIT PEKEBUN KECIL SECARA ELEKTRONIK

Pekebun kecil adalah tidak berkecuali dari mendaftar untuk mendapatkan lesen MPOB bagi menjual buah sawit dari kebun yang diusahakan. Di bawah Perkara 5(1), Peraturan - peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) adalah menjadi satu kesalahan untuk menjual dan membeli buah sawit tanpa lesen MPOB yang sah. Sekiranya disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM 200 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Kebun kecil didefinisikan sebagai kebun sawit yang kurang atau bersamaan dengan keluasan 40.46 ha (100 ekar) atau kebun sawit yang agregatnya kurang daripada atau sama dengan keluasan 40.46 ha (100 ekar).

Pendaftaran untuk mendapatkan lesen kebun kecil boleh dibuat secara atas talian pada bila-bila masa dan di mana juga melalui laman sesawang <http://e-lesenpk.mpob.gov.my> secara percuma. Setelah permohonan diluluskan, pekebun kecil perlu menghantar secara pos salinan geran dan kad pengenalan kepada pejabat MPOB. Sekiranya pekebun kecil berhasrat untuk mengambil lesen mereka secara terus, bolehlah membawa sendiri dokumen geran dan kad pengenalan ke kaunter pejabat MPOB berhampiran untuk pengesahan maklumat permohonan. Laman sesawang ini juga membolehkan pekebun kecil yang telah mempunyai lesen membuat semakan

untuk memastikan sama ada lesen mereka masih sah atau tidak dan membuat pembaharuan lesen mereka secara atas talian.

Laman sesawang <http://e-lesenpk.mpob.gov.my> ini disediakan untuk kemudahan kepada pekebun kecil sawit selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan kualiti perkhidmatan yang cekap serta sistem penyampaian yang lebih berkesan. Data pekebun kecil berdaftar adalah rahsia dan tidak boleh diberi kepada mana-mana individu atau agensi tanpa kebenaran pemegang lesen. Oleh itu, pekebun kecil tidak perlu khuatir untuk mendaftar bagi mendapatkan lesen MPOB.

Sehingga Disember 2010, Malaysia mencatatkan sejumlah 167 121 orang pekebun kecil dengan keluasan 651 385 ha yang telah berdaftar dengan MPOB untuk mendapatkan lesen menjual dan mengalih buah sawit. Mengikut pecahan kawasan, Semenanjung mempunyai sejumlah 133 170 orang pekebun dengan keluasan 429 331 ha, di Sabah dengan 24 021 orang pekebun kecil dengan keluasan 165 639 ha dan di Sarawak dengan 9930 orang pekebun kecil dengan keluasan 56 416 ha. Johor mencatatkan bilangan pekebun kecil terbesar berjumlah 64 484 dengan keluasan 198 063 ha atau 30% daripada keseluruhan jumlah keluasan kebun kecil di Malaysia diikuti Sabah dengan 24 021 orang pekebun kecil dengan keluasan 165 639 ha (25.4%) dan Perak dengan 31 254 orang pekebun kecil dengan keluasan 93 606 ha (14.3%).

Terdapat pelbagai faedah bagi pekebun kecil yang berdaftar dengan MPOB. Antaranya, memudahkan MPOB membantu pekebun kecil dari segi bantuan khidmat nasihat pengurusan kebun, bantuan dari segi perundangan dibawah Akta MPOB atau Akta 582 dan berpeluang mendapat pertimbangan untuk mendapatkan bantuan atau insentif khas yang diumumkan kerajaan sekiranya layak.



Sumbangan:
Sabtu Ahmad
(sabtu@mpob.gov.my)

Berita Bergambar



Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB menyampaikan ucapan perasmian sempena Pelancaran Koperasi Sawit Mampang di Kluang, Johor pada 6 Januari 2011.

Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyampaikan kupon bantuan anak benih sawit berkualiti kepada pekebun kecil sawit sempena Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah pada 31 Januari 2011.



Sempena lawatan sambil belajar ke ladang Stesen Penyelidikan MPOB Keratong, Pahang pada 23 Februari 2011, pekebun kecil telah dibawa meninjau klon terbaru nenas MD2 yang ditanam di plot sistem dua baris sawit.



Pelajar Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) Tahap 1 dan 2 bergambar kenangan bersama Dr Ahmad Khusairi Din, Timbalan Ketua Pengarah MPOB (R&D) dan para pegawai MPOB lain sempena kemasukan pelajar KOML ke PLASMA Keratong pada 8 Mac 2011.



Penerangan oleh pegawai Ladang United Plantation berkaitan jenis-jenis tandan dan klon sawit kepada peserta lawatan dari Teluk Intan, Perak pada 9 Mac 2011.

Penerima bantuan diskaun Cantas™ bergambar kenangan dengan Tan Sri Bernard Dompok semasa Program Pemimpin bersama Pekebun Kecil di Dewan Taman Rekreasi Ranchan, Serian, Sarawak pada 4 April 2011.



Tan Sri Bernard Dompok melawat bengkel jentera pelatih KOML di PLASMA, Keratong selepas perasmian pusat itu pada 26 April 2011. Turut kelihatan (tiga dari kiri) Datin Paduka Nurmala Abd Rahim, Ketua Setiausaha KPPK, Dr Kushairi Din, Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB, Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan Tn Hj Idris Omar, Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan.

Peserta kursus mendengar pembentangan kertas kerja semasa Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan yang diadakan bersempena program perasmian Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong pada 26 April 2011.



IKLAN

